



FAKTOR JANTINA, KAUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN MOTIVASI KEPERLUAN DALAM PRESTASI AKADEMIK

GENDER, RACES AND THEIR RELATIONSHIP WITH NEEDS MOTIVATION IN ACADEMIC PERFORMANCE

Hii Ting Tiang^{1*}, Shahlan Surat²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: hiitt90@yahoo.com

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: drshahlan@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.04.2021

Revised date: 02.05.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Hii, T. T., & Surat, S. (2021). Faktor Jantina, Kaum Dan Hubungannya Dengan Motivasi Keperluan Dalam Prestasi Akademik. *International Journal of Modern Education*, 3(9), 40-49.

DOI: 10.35631/IJMOE.39004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor jantina dan kaum di antara motivasi keperluan dengan prestasi pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Kaedah tinjauan melalui soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan data. Seramai 400 orang pelajar tingkatan 3 dari lima buah sekolah menengah dari kawasan Skudai, Johor telah dipilih sebagai responden kajian melalui teknik persampelan rawak berstrata. Borang soal selidik David McClelland Motives Questionnaire digunakan sebagai instrumen kajian, borang ini merangkumi tiga domain motivasi iaitu keperluan pencapaian, keperluan afiliasi dan keperluan kuasa. Statistik inferensi ujian-T dan korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Analisis ujian-T menyatakan tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina dan kaum dengan skor motivasi pelajar. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif signifikan yang lemah antara skor motivasi dengan min skor prestasi akademik pelajar. Sebagai kesimpulan kajian, motivasi keperluan mempunyai pengaruh terhadap prestasi akademik pelajar. Guru perlu menggunakan gaya pengajaran yang berbagai dan menggalakkan pelajar dari masa ke semasa untuk memotivasikan mereka untuk mencapai kecemerlangan.

Kata Kunci:

Motivasi McClelland, Kaum, Jantina, Skor Motivasi, Prestasi Akademik

Abstract:

The study is aimed to identify the relationship between gender and race with needs motivation in academic performance for secondary school students. A survey method through questionnaire was used to collect motivation score and demographic of samples. A total of 400 form 3 students from five different secondary schools in Skudai, Johor were selected as respondents using a stratified random sampling technique. The David McClelland Motives questionnaire was used as a research instrument, in which it covers three main domains of motivation, namely needs of achievement, needs of affiliation, and needs of power. Inferential T-test and Pearson correlation were used to test the hypotheses. The T-test analysis stated that there was no significant difference between gender and race with motivation scores. Pearson correlation analysis showed that there was a weak significant positive relationship between motivation score and student's academic performance mean score. In a conclusion, need motivation has an influence on students' academic performance. Teachers should assimilate a variety of teaching styles and encourage students from time to time to motivate them to strive for excellence.

Keywords:

McClelland's Motivation, Gender, Races, Motivation Score, Academic Performance

Pengenalan

Setiap insan mempunyai niat yang dipanggil motif untuk mencapai sesuatu matlamat atau keperluan untuk memenuhi kekurangan dalam dirinya. Mariam dan Zanariah(2015) mendefinisikan motivasi sebagai proses yang berupaya mewujudkan keperluan terhadap matlamat-matlamat dalam diri seseorang manusia. Pelaksanaan proses motivasi akan memberi arah kepada individu tentang kaedah ke arah mencapai matlamat dengan betul dan tepat seterusnya diikuti dengan proses bimbingan bagi memastikan individu dapat kekal iltizam dalam tingkah laku yang berlaku.

Sekolah merupakan institusi pembelajaran yang menghasilkan modal insan berkualiti. Guru seharusnya berusaha untuk membimbing dan menggalakkan murid untuk mencapai kecemerlangan dalam pencapaian akademik. Prestasi akademik pelajar di sekolah menengah kebangsaan masih memerlukan usaha gigih dari pelbagai pihak dan masih mempunyai ruang besar untuk diperbaiki. Ruang kelemahan ini mungkin berkaitan dengan perbezaan tahap motivasi pencapaian di antara murid ketika sesi pembelajaran. Megalah(2015) mendapati bahawa penyesuaian emosi dan motivasi dapat menghasilkan pencapaian akademik yang tinggi. Dengan ini, kajian memberi fokus kepada penyelidikan tentang tahap motivasi pencapaian pelajar di tiga buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai Johor berdasarkan kaum dan jantina.

Teori Motivasi Keperluan McClelland

McClelland(1961) telah mengemukakan keperluan khusus individu seseorang akan diperolehi dan dibentuk dari masa ke semasa melalui pengalaman kehidupan. Beliau menjelaskan motivasi keperluan manusia boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu pencapaian, afiliasi dan kuasa. Keberkesanan dan motivasi individu dalam mencapai sesuatu kerja

dipengaruhi oleh ketiga-tiga motivasi keperluan ini. Kelakuan setiap insan didorong oleh sekurang-kurangnya satu daripada motivasi keperluan pencapaian, afiliasi dan kuasa, tanpa mengira umur, jantina, dan kaum. Ronald(1990) menyatakan individu boleh memiliki domain motivasi keperluan yang berbeza pada masa yang sama bergantung kepada pengalaman hidup dan pandangan etos. Individu memiliki ciri-ciri motivasi yang berbeza bergantung kepada motivasi keperluan dominan mereka. Individu yang mengutamakan motivasi pencapaian lebih cenderung kepada tugas yang berisiko sederhana di mana elemen keputusan dan maklum balas merupakan perkara penting dalam persepsi mereka. Individu yang dominan dalam motivasi afiliasi akan lebih efektif jika meletakkan mereka dalam kumpulan. Manakala individu dominan motivasi kuasa dapat menghasilkan impak positif jika diberi status dan pengiktirafan dengan kerap. Jadual 1 menunjukkan model motivasi keperluan McClelland.


Jadual 1: Jenis Motivasi Keperluan McClelland dan Ciri Motivasi Keperluan

Jenis Motivasi Keperluan	Ciri Motivasi Keperluan
Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai keperluan yang kuat untuk menetapkan dan mencapai matlamat yang mencabar. - Mengambil risiko yang terkawal untuk mencapai matlamat - Suka menerima maklum balas atas perkembangan dan pencapaian mereka. - Suka bekerja sendiri
Afiliasi	<ul style="list-style-type: none"> - Ingin tergolong dalam kumpulan - Ingin disukai ramai, akan mengikut apa sahaja yang kumpulan hendak buat. - Lebih cenderung kaedah bekerjasama berbanding persaingan individu - Tidak suka risiko tinggi dan ketidakpastian
Kuasa	<ul style="list-style-type: none"> - Ingin mengawal dan mempengaruhi orang - Suka menang dalam perbahasan - Menikmati persaingan dan saat menang - Menikmati status dan pengiktirafan

Sumber: McClelland(1961)

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini menggunakan Model motivasi keperluan McClelland yang merangkumi tiga domain utama iaitu motivasi pencapaian, motivasi afiliasi dan motivasi kuasa. Kajian memberi fokus kepada skor motivasi keperluan murid untuk menilai hubungan motivasi pencapaian dengan kaum dan jantina. Berdasarkan teori motivasi McClelland(1961), pelajar yang bermotivasi keperluan pencapaian mempunyai ciri lebih suka aktiviti mencabar yang telah diambil kira risikonya secara bersendirian. Pelajar yang bermotivasi afiliasi lebih mementingkan semangat kekitaan dan akan mengikut trend dalam kumpulannya. Pelajar yang bermotivasi dominan dalam keperluan kuasa mendapat kepuasan melalui pengaruh terhadap orang, kemenangan serta status dan pengiktirafan.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian telah dibina berdasarkan model McClelland yang telah dibincangkan. Model ini telah diubahsuaikan seperti Rajah 1. Pemboleh ubah bebas dalam kerangka konseptual ini ialah faktor jantina dan kaum, manakala pemboleh ubah bersandar ialah skor motivasi keperluan dan prestasi pencapaian akademik. Kerangka konseptual ini menunjukkan bahawa perbezaan tahap motivasi keperluan antara jantina dan kaum memainkan peranan dalam prestasi pencapaian akademik murid. Pelajar yang bermotivasi keperluan memiliki ciri-ciri mengikut domain masing-masing, dengan itu menghasilkan gaya pembelajaran yang berbeza di antara pelajar seterusnya mempengaruhi hasil pencapaian akademik mereka.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti hubungan di antara jantina dan kaum terhadap tahap motivasi dan prestasi pencapaian akademik murid. Di samping itu, kajian juga bermatlamat untuk melihat pengaruh tahap motivasi terhadap prestasi akademik pelajar.

Objektif Kajian

1. Mengetahui profil motivasi pelajar.
2. Mengetahui sama ada perbezaan signifikan di antara tahap motivasi berdasarkan jantina dan kaum.
3. Mengetahui sama ada terdapat hubungan signifikan di antara motivasi dengan prestasi akademik pelajar.

Persoalan Kajian

1. Adakah profil motivasi di kalangan pelajar?
2. Terdapatkah perbezaan yang signifikan di antara motivasi keperluan dengan jantina dan kaum?
3. Terdapatkah hubungan yang signifikan di antara motivasi keperluan pelajar dengan prestasi akademik pelajar?

Hipotesis Kajian

Ho1 Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara motivasi keperluan dengan jantina pelajar.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara tahap motivasi keperluan dengan kaum pelajar.

Ho3 Tidak terdapat hubungan signifikan antara motivasi keperluan dengan prestasi akademik pelajar.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian tinjauan ini bermatlamat untuk memberikan maklumat deskriptif bagi memberi penjelasan terhadap suatu gejala atau situasi dan seterusnya membuat penerokaan baharu dalam bidang pengkajian. Kaedah ini boleh menjimatkan masa dan tenaga terutamanya semasa mengumpul data dari sampel yang besar. Instrumen soal selidik digunakan bagi mengurangkan ralat penghitug dan membandingkan jawapan responden. Dua pemboleh ubah dalam kajian ini iaitu jantina dan kaum dibahagikan kepada lelaki dan perempuan serta Cina dan lain-lain masing-masingnya.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini diambil daripada pelajar tingkatan 3 dari 5 buah sekolah menengah kebangsaan di kawasan Skudai, Johor. Kaedah persampelan secara rawak berstrata digunakan untuk memilih 80 responden dari setiap sekolah. Kaedah persampelan ini membolehkan populasi dibahagi kepada bahagian yang lebih kecil untuk menentukan sampel yang diwakili. Persampelan rawak berstrata ini dapat meningkatkan peluang ketepatan data yang dapat mewakili populasi dan seterusnya meninggikan peluang ketepatan keputusan. 40 pelajar lelaki dan 40 perempuan dipilih dari setiap sekolah untuk mengimbangkan nisbah jantina. Sampel responden telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kaum cina dan kaum lain-lain.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian menggunakan satu set borang soal selidik yang merangkumi dua bahagian iaitu Bahagian A (biodata murid) dan bahagian B inventori soal selidik David McClelland Motives Questionnaire. Instrumen ini boleh dipercayai kerana telah diguna oleh Afidah dan Tan (2005) dalam kajiannya. Soal selidik ini mengandungi 30 soalan dan dibahagi kepada 3 domain, iaitu motivasi pencapaian, motivasi afiliasi dan motivasi kuasa. Kajian rintis telah dijalankan menggunakan program Stastical Package For Sosial Sciences (SPSS) versi 25. Hasil analisis bagi Alpha Cronbach (α) purata bagi nilai kebolehpercayaan item-item borang soal selidik motivasi ialah 0.761.

Prosedur Menganalisis Data

Data yang diperolehi telah dimasukkan ke dalam perisian Statistical package for social science (SPSS) versi 25 untuk mendapatkan data deskriptif dan menganalisis data. Kajian melibatkan data deskriptif seperti domain motivasi oleh David McClelland. Skala Likert skor tiga tahap 0-2 (Rendah), 3-7 (sederhana) dan 8-10 (tinggi) digunakan untuk menganalisis min domain motivasi. Anova sehalu dan korelasi Pearson digunakan untuk demografi subjek.

Statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Aras keyakinan 95 peratus ($p < 0.05$) digunakan untuk menentukan aras signifikan statistik. Ujian-t tidak bersandar digunakan untuk membandingkan perbezaan di antara pemboleh ubah yang hendak dikaji. Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis dan mengukur kekuatan hubungan di antara motivasi dengan prestasi pencapaian murid. Pekali korelasi ini mempunyai magnitud julat -1 hingga +1. Magnitud pada koefisien korelasi menunjukkan kekuatan hubungan linear yang wujud antara dua pemboleh ubah. Tanda (+) dan (-) menunjukkan arah hubungan itu negatif atau positif.

Dapatan Kajian

Profil Pelajar

Seramai 400 pelajar tingkatan 3 telah dipilih secara rawak berstrata sebagai responden dalam kajian ini. Daripada 400 pelajar ini, lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan 200 orang responden. Walaubagaimanapun, usaha untuk mengimbangkan nisbah responden dari aspek kaum terhad kepada faktor sekolah yang tidak dapat dielakkan. Sampel responden yang terkumpul termasuk 205 responden pelajar kaum Cina dan 195 responden pelajar kaum lain. Tujuan pengimbangan nisbah responden dengan cara ini adalah untuk meningkatkan kesahan kajian bagi mewakili tahap motivasi pelajar tingkatan 3 di kawasan Skudai, Johor dengan prestasi akademik mereka. Profil responden mengikut jantina dan kaum ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Profil Responden Kajian

Profil	Kekerapan	Peratus(%)
Jantina		
Lelaki	200	50.0%
Perempuan	200	50.0%
Kaum		
Cina	205	51.25%
Lain-lain	195	48.75%

Analisis Keseluruhan Jenis Motivasi Keperluan Pelajar

Jadual 3 menunjukkan skor min dan sisihan piawai motivasi keperluan pelajar mengikut domain. Domain motivasi untuk motivasi pencapaian menunjukkan nilai skor min yang lebih besar berbanding dengan domain motivasi keperluan yang lain. Motivasi afiliasi menunjukkan min skor yang sederhana, manakala motivasi kuasa menunjukkan min skor yang terendah. Skor min masing-masing untuk domain motivasi pencapaian ialah ($M=8.52$, $SP=1.006$), motivasi afiliasi ($M=7.85$, $SP=1.110$), motivasi kuasa ($M=5.19$, $SP=1.179$). Analisis ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai min skor tinggi dalam domain motivasi pencapaian. Ini bermaksud pelajar lebih cenderung kepada hasil dan maklum balas dalam usaha mencapai suatu matlamat. Pada keseluruhannya, kajian telah menunjukkan pelajar memiliki motivasi dalaman yang sederhana dalam domain motivasi pencapaian dan motivasi afiliasi.

Jadual 3: Skor Min Dan Sisihan Piawai Motivasi Keperluan Pelajar

Jenis Motivasi	N	Min	Sisihan Piawai
Motivasi pencapaian	400	8.52	1.006
Motivasi afiliasi	400	7.85	1.110
Motivasi kuasa	400	5.19	1.179

Ho1: Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara motivasi dengan jantina pelajar.

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul 1, aras keyakinan $\alpha=0.05$. Jadual 4 di bawah menunjukkan dapatan analisis ujian-t. Keputusan ujian-t telah menunjukkan skor min motivasi lelaki ialah 7.17, adalah lebih rendah berbanding dengan skor min motivasi perempuan, iaitu 7.20. Perbezaan ini tidak signifikan memandangkan $t = -0.480$, iaitu lebih rendah daripada $t=1.966$ ($p > 0.05$). Oleh itu, hipotesis nul 1 diterima, tidak terdapat perbezaan signifikan antara

motivasi berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. $t(398) = -0.480$; $p > 0.05$. [95% CI = -0.169 hingga 0.103]

Jadual 4: Min Dan Sisihan Piawai Motivasi Berdasarkan Jantina Murid.

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t
Lelaki	200	7.17	.713	-0.480
Perempuan	200	7.20	.670	

Ho2: Tidak terdapat perbezaan signifikan di antara tahap motivasi dengan kaum pelajar.

Hipotesis nul 2 juga diuji dengan alat ujian yang sama iaitu ujian-t tidak bersandar. Jadual 5 di bawah menunjukkan keputusan kajian untuk mengenal pasti perbezaan di antara motivasi dengan kaum pelajar. Min tahap motivasi kaum Cina(7.20) dan kaum Lain(7.18) tidak menunjukkan perbezaan signifikan sedangkan skor min dua kaum ini hampir serupa. Hipotesis nul 2 diterima. Kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan tahap motivasi antara kaum cina dan kaum lain dengan $t(398) = 0.251$; $p > 0.05$. [95% CI = -0.119 hingga 0.153]

Jadual 5: Min Dan Sisihan Piawai Tahap Motivasi Berdasarkan Kaum Pelajar.

Kaum	N	Min	Sisihan Piawai	t
Cina	205	7.20	.690	0.251
Lain-lain	195	7.18	.694	

Ho3 Tidak terdapat hubungan signifikan antara motivasi dengan prestasi akademik pelajar.

Jadual 6 menunjukkan hubungan korelasi di antara purata markah subjek dengan skor motivasi. Kajian mendapati bahawa pekali korelasi Pearson menunjukkan wujudnya hubungan positif yang sangat lemah dan signifikan antara purata markah subjek dan skor motivasi. [$r(398) = 0.205$, $p < 0.01$]. Daripada dapatan kajian ini, kesimpulan yang boleh dibina adalah tahap motivasi pelajar memberi pengaruh kecil terhadap prestasi akademik pelajar.

Jadual 5: Ujian Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Skor Motivasi dengan Purata Markah Subjek.

Jadual 6: Keputusan Ujian Korelasi Pearson Untuk Hubungan Di Antara Purata Markah Subjek Dengan Skor Motivasi

Pemboleh ubah	Nilai r
Purata markah subjek Skor motivasi	0.205

Perbincangan

Motivasi Keperluan Berdasarkan Jantina

Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan signifikan di antara motivasi keperluan dengan pelajar lelaki dan perempuan. Hasil kajian diyakinkan dengan kajian Siti dan rakan-rakan(2019), mereka telah menjalankan kajian terhadap motivasi pelajar institut pengajian tinggi dalam mempelajari bahasa asing dan didapati tiada perbezaan yang signifikan di antara motivasi jantina lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki dan perempuan mempunyai skor motivasi yang sama dan mendapat kepuasan melalui pencapaian luaran. Ikhwan, Ong dan Sadiyah(2011)

juga mendapati tiada perbezaan signifikan antara jantina dengan prestasi akademik di mana 84 perempuan dan 101 lelaki sebagai responden kajian mereka. Begitu juga dengan hasil kajian Ang dan Salmiza(2014), mereka turut menjalankan kajian faktor jantina dengan tahap motivasi ke atas 78 pelajar lelaki dan 114 pelajar perempuan tingkatan empat. Kajian lepas dan hasil kajian ini menunjukkan bahawa jantina tidak dapat menentukan tahap motivasi seseorang pelajar.

Selain itu, Uzir, Rohaidah dan Sharil(2018) mendapati bahawa pelajar tingkatan satu mempunyai motivasi yang tinggi dalam mempelajari Bahasa Melayu, pelajar yang bermotivasi tinggi didorong dengan kesedaran diri untuk lulus dalam mata pelajaran subjek. Hakikat kelulusan subjek seterusnya akan memberi kepuasan kepada pelajar dalam bentuk motivasi keperluan untuk terus menjana kecemerlangan dalam subjek.

Akan tetapi, skor motivasi yang tinggi tidak dapat membuktikan komitmen pembelajaran yang sama dalam pelajar lelaki dan perempuan. Rohaini, Hazri dan Nordin(2010) mendapati bahawa pelajar perempuan memiliki komitmen yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam pembelajaran. Ini bermaksud pelajar yang sama tahap motivasinya tidak semestinya menghasilkan pelajar yang berprestasi sama. Motivasi memainkan peranan sebagai “pemandu arah” dan dorongan dalaman individu untuk melakukan atau mencapai sesuatu tujuan. Perempuan mempunyai komitmen yang lebih tinggi dalam menyempurnakan matlamat berbanding dengan lelaki. Hal ini juga disokong oleh Baskaran dan Arulnathan(2017), mereka telah membuat kajian mengenai hubungan komitmen pelajar dengan prestasi akademik pelajar, dapatan mereka menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah perkara ini.

Motivasi Keperluan Berdasarkan Kaum

Dapatan kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara motivasi dengan kaum. Teoh(2005) mendapati pelajar kaum Cina mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran subjek Melayu. Nancy dan Zambri(2017) juga menjalankan kajian terhadap motivasi pembelajaran terhadap 242 orang kaum Melanau dalam Bahasa Melayu, hasilnya ialah pelajar kaum Melanau juga bermotivasi tinggi dalam pembelajaran. Di samping itu, Khairul dan Ruzanna(2017) juga menjalankan kajian motivasi ke atas 56 murid Bajau dalam pembelajaran Bahasa Melayu, dapatannya sama dengan kajian Nancy dan Zambri(2017). Ganesan dan kawan(2021) pula menjalankan kajian tahap motivasi ke atas pelajar kaum India dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dari kajian-kajian lepas ini, boleh dilihat kebanyakan kaum di Malaysia mempunyai skor motivasi yang tinggi dalam pelajaran subjek Melayu. Dengan menggabungkan dapatan lepas dengan dapatan kajian ini, boleh dirumuskan bahawa tiada perbezaan signifikan tahap motivasi kepada pelajar yang berbilang kaum di Malaysia.

Faktor kaum terhadap tahap motivasi berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor persekitaran, gaya pembelajaran, dan juga budaya keluarga. Kecerdasan emosi pelajar boleh mempengaruhi motivasi dalaman pelajar. Pelajar perlu mempelajari cara untuk mengenali perasaan sendiri serta reaksi dan perasaan orang lain. Keluarga merupakan tempat utama kepada seseorang untuk memahami pelbagai perasaan dan belajar mengawal emosinya. Ibu bapa merupakan contoh kepada anak untuk mengasah kecerdasan emosi dan belajar cara menghadapi perkara dan masalah. Ibu bapa memainkan peranan dalam memberi matlamat dan galakkan kepada anak untuk mencapai sesuatu bersesuaian dengan teori motivasi keperluan McClelland(1961). Persekitaran yang kondusif dan pembelajaran berkumpulan juga boleh menggalakkan motivasi seseorang individu berdasarkan domain motivasi afiliasi. Oleh itu, guru di sekolah seharusnya

mewujudkan suasana dan gaya pembelajaran yang bersesuaian untuk menggalakkan penglibatan dan komitmen pelajar.

Hubungan Motivasi Keperluan Dengan Prestasi Pembelajaran.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang lemah di antara motivasi keperluan dengan prestasi pembelajaran pelajar. Smith dan Spurling(2001) menyatakan tahap motivasi yang ditunjukkan oleh seseorang individu menggambarkan pengalaman sosial dan ekonomi mereka secara umum dan pengalaman keluarga secara khusus. Individu yang mencapai kecemerlangan atau kejayaan dalam kehidupannya selalunya memiliki tahap motivasi yang tinggi. Hal demikian kerana individu ini jelas dengan matlamat sendiri dan bermotif tinggi dalam usaha untuk mencapai matlamatnya. Hamdu dan Lisa(2011) telah menjalankan kajian pengaruh motivasi terhadap prestasi pelajaran pelajar, hasil dapatannya menunjukkan nilai korelasi $r=0.48$ antara pelajar berprestasi tinggi dengan tahap motivasi mereka. Dapatan tersebut menunjukkan hubungan motivasi dengan prestasi pembelajaran yang lebih kuat berbanding dengan kajian ini.

Motivasi merupakan salah satu faktor dan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Prestasi akademik pelajar juga dipengaruhi oleh faktor lain. Menurut teori keperluan Maslow, keperluan manusia boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu motivasi keperluan kekurangan dan motivasi keperluan untuk berkembang. Latar persekitaran dan sosioekonomi pelajar yang berbeza akan menghasilkan keperluan yang berbeza dalam pelajar. Mary(1998) mencadangkan kesediaan kognitif pelajar semasa pembelajaran dipengaruhi oleh dua faktor iaitu guru mempunyai kawalan terhadap seluruh aktiviti dan kepercayaan atau keyakinan pelajar terhadap pembelajaran dalam konteks motivasi keperluan. Beliau mendakwa kaedah pengajaran yang berpusatkan guru akan mengehadkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar untuk melibatkan diri secara mendalam dalam pembelajaran. Oleh itu, guru perlu memperbagaikan aktiviti pembelajaran dan menambahkan gaya pembelajaran yang berpusatkan murid untuk memaksimumkan penglibatan serta komitmen pelajar.

Kesimpulan

Motivasi keperluan merupakan salah satu faktor penting yang tidak boleh dielakkan oleh pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sebagai implikasi kajian, guru seharusnya memperbagaikan kaedah pengajaran dan memberi bimbingan kepada pelajar yang lemah agar pelajar tidak kehilangan motivasi dalam pembelajarannya. Pendidikan cramming iaitu pengajaran berpusatkan guru seharusnya ditukarkan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid bagi menggalakkan minat dan memperkukuhkan motivasi pelajar. Gaya pembelajaran yang kreatif secara tidak langsungnya dapat memupuk motivasi pembelajaran di kalangan pelajar. Pelajar perlu memahami matlamat dan objektif pembelajaran sendiri semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku, supaya pembelajaran pengetahuan dan kemahiran bukan sekadar berhenti di tahap menghafal, tetapi juga dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian. Ibu bapa juga perlu memberikan kerjasama dalam mewujudkan dan menggalakkan motivasi murid. Galakkan dan pujian perlu diberikan bersesuaian dengan capaian pelajar sebagai peneguhan positif dalam konteks mempertingkatkan motivasi dalaman pelajar untuk menggalakkan motif pembelajaran sendiri.

Rujukan

- Afidah, A.M. and Tan, S. Y. (2005). Faktor Latar Belakang Keluarga Dan Motivasi Pencapaian Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Daerah Muar. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ang, B.S., Salmiza S. (2014). Pengaruh Faktor Jantina Dan Lokasi Sekolah Ke Atas Motivasi Belajar Fizik Dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 4(2): 80-90.
- Baskaran K., Arulnathan V. (2017). Hubungan Komitmen Dan Emosi Dengan Pencapaian Akademikpelajar Ambilan Khas Januari 2012 Di Ipg Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 96-116
- Ganesan P., Wan, M., Ruzanna, W.M.(2021). Motivasi Murid India Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1): 203-212.
- Hamdu, G., Lisa, A. (2011). Pengaruh Motivasi Belajar Siswa Terhadap Prestasi Belajar Di Sekolah Rendah. *Jurnal Penelitian Pendidikan*, 12(1): 81-86.
- Khairul, N., Ruzanna, W.M. (2017). Sikap Dan Motivasi Murid Bajau Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 24-33.
- Mariam, M., Zanariah, D. (2015). Peranan Motivasi Terhadap Pembentukan Tingkahlaku Manusia. 2: 15-23.
- Mary Hanrahan. (1998). The effect of learning environment factors on students' motivation and Learning. *International Journal of Science Education*, 20:6, 737-753, DOI: 10.1080/0950069980200609
- McClelland, D.C. (1961). *The Achieving Society*. New York: Van Nostrand.
- Nancy, N., Zambri M. (2017). Sikap, Minat Dan Motivasi Murid Melanau Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8:47 - 58.
- Rohaini A., Hazri J., Nordin A.R. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 61-69.
- Ronald, L.P. (1990). Motivation Theories of Maslow, Herzberg, McGregor & McClelland. <https://eric.ed.gov/?id=ed316767>. [7 November 2020]
- Siti, H.B., Hiyama J.A., Sabrina N.Z., Zulida A.K., Rosmahalil A.A. (2019). Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences. *Akademia Baru*, 16(1): 105-115.
- Smith, J., Spurling, A. (2001). *Understanding Motivation for Lifelong Learning*. Sandford: Southgate Publishers.
- Teoh Hee Chong. (2005). Hubungan Antara Motivasi Integratif Dengan Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Persendirian Cina. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Uzir M.Z., Rohaidah K., Sharil N.(2018). Motivasi Dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3: 82-89.